

Kempen Buku Hijau ditukar Kempen Bumi Hijau

Oleh SAIFULIZAM MOHAMAD

KUALA LUMPUR 28 Mac - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan menukar nama Kempen Buku Hijau kepada Kempen Bumi Hijau.

Menterinya, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, ini kerana nama tersebut lebih relevan dengan konsep serta matlamat kempen tersebut iaitu menggalakkan masyarakat bercucuk tanam atau terlibat di dalam aktiviti penternakan.

"Kita mahu lebih ramai rakyat memberi sokongan penuh terhadap kempen tersebut kerana ia mampu menjimatkan perbelanjaan seharian.

"Oleh itu kami berpendapat penggunaan nama bumi hijau lebih tepat berbanding buku hijau kerana nama tersebut benar-benar menggambarkan kehendak kempen yang kita jalankan ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis penerangan kempen itu kepada Kelab Ahli Parlimen Barisan Nasional (BNBBC), di sini, malam ini.

Turut hadir Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Mohd. Shariff Omar yang juga pengerusi kempen berkenaan serta seorang lagi Timbalan Menteri, Datuk Mah Siew Keong.

Melalui kempen itu rakyat negara ini boleh menjimatkan perbelanjaan membeli dan mengimport sayur-sayur-

UM - 29/3/2006

Ini kerana nama Bumi Hijau lebih relevan dengan konsep serta matlamat kempen

MUHYIDDIN YASSIN
Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani

ran sebanyak RM720 juta setahun jika kempen itu mendapat penyertaan sehingga 500,000 peserta dalam tempoh lima tahun akan datang.

Dalam pada itu Muhyiddin berkata, usaha menggerakkan kempen itu kini giat dijalankan semua pihak khususnya Ahli Parlimen BN.

"Penglibatan anda amat saya alu-alukan kerana mesej kementerian mengenai faedah kempen ini dapat disampaikan kepada masyarakat setempat

melalui program yang dianjurkan oleh Ahli Parlimen.

"Pihak kami sedia memberi bantuan dari segi teknikal bagi membolehkan setiap Ahli Parlimen mampu menjayakan kempen ini di kawasan mereka juga," katanya lagi.

Beliau berkata, kempen tersebut merupakan antara agenda penting kementerian bagi menggalakkan masyarakat bercucuk tanam mengeluarkan sendiri bahan makanan harian.